



Anwar bersama Prabowo ketika mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

Anwar, Prabowo bincang isu serantau

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto pada pertemuan di sini, kelmarin, membincangkan isu serantau yang penting termasuk tarif baharu yang diterapkan Amerika Syarikat (AS) terhadap negara ASEAN.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu juga menyentuh usaha dan tindakan bersama dalam memberikan bantuan kemanusiaan kepada rakyat di Myanmar yang terkesan akibat bencana gempa, baru-baru ini.

“Semoga semangat Aidilfitri terus memperkuat hubungan

persaudaraan dan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia atas nama keamanan dan kesejahteraan serantau,” katanya menerusi kenyataan di Facebook, kelmarin.

Terdahulu, pesawat khas yang membawa Prabowo serta delegasi mendarat di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, pada jam 5.52 petang.

Prabowo kemudian menghadiri majlis makan malam secara tertutup sebelum berlepas pulang malam kelmarin. Ini adalah lawatan ketiga Prabowo ke

Malaysia sejak memegang jawatan itu pada Oktober 2024.

Media antarabangsa kelmarin melaporkan kunjungan Prabowo ke sini kelmarin adalah sempena Aidilfitri serta penghormatan kepada Anwar sebagai seorang daripada pemimpin ASEAN.

Malaysia secara rasmi memegang jawatan Pengerusi ASEAN bermula awal tahun ini, dengan Tema Kepimpinan ASEAN 2025 Malaysia adalah ‘Keterangkuman dan Kemampanan’. Sebelum ini, Malaysia memegang jawatan Pengerusi ASEAN pada 1977, 1997, 2005 dan 2015.